



ASAH BAKAT BINTANG MUDA

SAMA seperti badan kita yang memerlukan khasiat susu untuk membesar atau mengekalkan tulang yang kuat, kemahiran atlet juga perlu diasah secara berterusan untuk kekal mantap dalam permainan.

Oleh itu, Dutch Lady Malaysia memberi peluang kepada bintang muda bola keranjang Malaysia untuk dilatih dengan yang terbaik dalam sukan ini iaitu Akademi Bola Keranjang KL Dragons.

Kem Latihan Dutch Lady Alumni Star telah diadakan baru-baru ini menyaksikan penyertaan 14 orang atlet dari Jr NBA Malaysia, iaitu program bola keranjang belia yang dianjurkan oleh Dutch Lady Malaysia sejak 2014 untuk menyebarkan mesej *'Drink. Move. Be Strong'* dengan misi untuk membina anak Malaysia yang lebih kuat dari segi fizikal dan emosi. Ini merupakan

kali pertama semua kumpulan bawah program ini - kumpulan dari tahun 2014 hingga yang terkini, 2016 - untuk mengasah kemahiran mereka di gelanggang yang sama.

Jurulatih Joselito Vergara dan Jurulatih Ghazi, merupakan jurulatih dari pihak KL Dragons Basketball Academy - yang terkenal dengan pemain elit dan kehebatan prestasi dalam liga bola keranjang serantau ASEAN, mengendalikan kem latihan tersebut.

"Matlamat kami bukan hanya melatih bakat-bakat bola keranjang muda ini untuk satu kejohanan atau acara sahaja. Sebaliknya, matlamat kami adalah untuk



BINTANG-BINTANG muda bola keranjang Malaysia bergambar di Akademi Bola Keranjang KL Dragons.

menggalakkan atlet-atlet muda ini meneruskan momentum mereka dalam bola keranjang dan membawa bakat mereka sejauh yang boleh, walaupun di kolej atau menjadikannya sebagai satu profesion.

"Sama seperti kempen

kami, *'Drink. Move. Be Strong'* adalah komitmen sepanjang hayat untuk gaya hidup yang sihat dengan nutrisi yang baik dan aktiviti fizikal seperti bola keranjang," kata Pengarah Pemasaran Dutch Lady Malaysia, Ashlee Ng.